



PENGUAT kuasa DBKL menahan lapan individu dalam operasi di beberapa lokasi di ibu kota.

Kuala Lumpur: Tidak hanya masuk secara haram ke negara ini malah mereka bertindak kurang ajar apabila menjadi samseng pengutip caj parkir haram di negara ini.

Kegiatan didalangi 'ulat parkir' warganegara India, Myanmar dan Bangladesh menimbulkan rasa kurang senang pemilik kenderaan yang dipaksa membayar caj oleh golongan berkenaan.

Ini terbukti apabila lapan individu ditahan dalam operasi Tindakan Khas Penjaga Parkir Tanpa Kebenaran (Ops Jaga) Siri 4/2024 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kelmarin.

Menurutnya, semua pendatang haram itu dikesan menjalankan kegiatan menjaga dan mengutip wang parkir tanpa kebenaran di kawasan awam.

"Operasi dilakukan di Jalan Tun Sambathan, Jalan Sri Hartamas, Jalan Bere-mi, Jalan Tingkat Tong Shin, Jalan Alor dan Jalan Raja Alang bermula jam 12.30 tengah hari hingga

Ulat parkir warga asing samseng dicekup



ANTARA ulat parkir warga asing yang ditahan dalam operasi DBKL.

9.30 malam kelmarin.

"DBKL meneruskan pemantauan, risikan dan tindakan penguatkuasaan di lokasi tumpuan berkaitan. Ada individu menjaga dan mengutip wang di bahu jalan, siar kaki, kawasan lapangan atau mana-mana pe-

tak letak kereta awam sedia ada pada siang dan malam.

"Hasil operasi khas dijalankan itu, tiga lelaki warga tempatan, tiga warganegara India, seorang warganegara Myanmar dan seorang warganegara

Bangladesh ditahan.

"Individu yang ditahan dibawa ke Jabatan Penguatkuasaan untuk tindakan lanjut dan proses dokumentasi membabitkan pendakwaan mahkamah dan kertas siasatan," katanya.